

Muhammad Aqil Zafran peserta terbaik Q-JUSS Labuan 2020

Qiadi Junior Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia

LABUAN: Murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun (SKSB) Wilayah Persekutuan Labuan, Muhammad Aqil Zafran Mohamed Fadli dipilih sebagai peserta Lelaki Contoh Terbaik (peserta Mithali) dalam Qiadi Junior Sekolah-sekolah (Q-JuSS) Kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan bagi tahun 2020 baru-baru ini.

Sekolah Kebangsaan Sungai Bedaun juga telah menghantar empat peserta lain dalam perkhemahan berkenaan, iaitu Muhammad Aqil Syahmi Mohamad Zaki, Dgku Nurhidayah Agku Ahmad Tajudin, Nurhazira Alesya Rapezun dan Rani Zahrawi Masdaud.

Mereka diiringi oleh Ustaz Mohd Rozman Omar sepanjang program tersebut berlangsung.

Guru Besar SKSB, Dg Sarifah A. Mahmud mengucapkan tahniah dan syukur kepada Aqil Zafran kerana kejayaan menerima anugerah tersebut dan tahniah kepada semua wakil sekolah yang telah sempurna menjalani perkhemahan dengan contoh teladan yang baik dan sahsiah yang terpuji.

"Tahniah dan terima kasih kepada Ustaz Rozman selaku guru pembimbing dan guru pengiring.

"Tahniah Aqil Zafran kerana telah mengharumkan nama Sekolah dengan menjadi peserta terbaik

lelaki dalam perkhemahan tersebut,"katanya penuh bangga.

Qiadi Junior Sekolah-sekolah dikenali sebagai Q-JuSS telah dilaksanakan buat pertama kalinya di seluruh negeri dalam Malaysia.

Perkhemahan Q-juSS yang telah berlangsung di Sekolah Kebangsaan Sungai Lada (SKSL) WP Labuan telah dihadiri seramai 68 murid terbaik daripada 17 sekolah kebangsaan seluruh Labuan.

Para peserta berkampung selama dua hari iaitu pada 6 hingga 7 Mac 2020 lalu bagi menjalani pelbagai aktiviti dan modul yang disediakan oleh pihak kementerian.

Qiadi Junior Sekolah-sekolah dikenali sebagai Q-JuSS telah dilaksanakan buat pertama kalinya di seluruh negeri dalam Malaysia yang dahulu perkhemahan ini dikenali sebagai Khe-mah Ibadah Sekolah-Sekolah (KISS).

Program dikelola oleh Sekolah Kluster Kecemerlangan Sekolah Kebangsaan Rantau-rantau Wp Labuan (SKK SKRR).

Perkhemahan yang melibatkan seramai 34 murid lelaki dan 34 murid perempuan itu turut disertai oleh 17 guru pengiring dan 10 fasilitator Jürulatih Adab dan Nilai Islam (JU ADNI) negeri.

Majlis penutupan dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pengarah Pendidikan Wilayah




KEBANGGAAN: Muhammad Aqil Zafran bersama piala peserta terbaik dan piala peserta perkhemahan Q-JuSS 2020.

Persekutuan Labuan, Raisin Saidin.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Guru Besar SKK SKRR, Norinnie Kassim

selaku sekolah pengelola dan Maidan Dahi @ Sumardi Yusoff Guru Besar SK Sungai Lada selaku tuan rumah perkhemahan.



ALBUM: Guru Besar, Dg Sarifah (tiga kanan) bergambar bersama para peserta perkhemahan Q-JuSS 2020.



BERSAING: Ustaz Rozman mengiringi 5 orang peserta SK Sungai Bedaun.



KENANGAN: Para peserta SK Sungai Bedaun merakam gambar kenang-kenangan bersama Raisin (tiga kanan) dan pengelola program Qiadi Junior Sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia 2020.



TERBAIK: Muhammad Aqil Zafran (tiga kiri) menerima piala peserta terbaik daripada Pengarah JPWPL, Raisin Saidin.